



KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM
DIRECTOR-GENERAL OF PUBLIC SERVICE
Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia
Public Service Department, Malaysia
Aras 13, Blok C1, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 W.P. PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel: 603-80008000
Faks (Fax): 603-88892187
Laman Web (Web): www.jpa.gov.my

JPA.SARAAN(S)256/6/31 JLD.7(4)

25 Oktober 2020

Seperti Senarai Edaran

YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

PERINGATAN MENGENAI:

- **PERATURAN-PERATURAN SEMASA BEKERJA DARI RUMAH TERMASUK SEMASA TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB); DAN**
- **PEMATUHAN PERATURAN-PERATURAN PEGAWAI AWAM (KELAKUAN DAN TATATERTIB) 1993 [P.U. (A) 395/1993]**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Jabatan Perkhidmatan Awam telah mengeluarkan Surat Edaran berhubung Arahan Kehadiran Bertugas Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan Di Negeri Selangor, Sabah, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan Semasa PKPB bertarikh 21 Oktober 2020. Surat Edaran tersebut adalah bertujuan untuk mendokong usaha Kerajaan dalam membendung penularan wabak Covid-19 dengan memastikan pergerakan yang minimum di kawasan-kawasan PKPB. Sehubungan itu, Surat Edaran berkenaan perlu dibaca dan dilaksanakan



selaras dengan Surat Edaran JPA.SARAAN (S) 256/6/31 JLD. 6 (2) mengenai Arahan Bekerja Dari Rumah Berikutan Perintah Kawalan Pergerakan dan Penutupan Premis Kerajaan bertarikh 17 Mac 2020.

3. Sebagaimana Surat Edaran bertarikh 21 Oktober 2020, kehadiran sebilangan pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan ke pejabat adalah pada tahap yang dikawal oleh Ketua Jabatan masing-masing bagi memastikan perkhidmatan asas kementerian/agensi tidak terjejas dan berterusan dapat dicapai oleh pelanggan. Sebahagian pegawai lagi akan diarahkan atau dibenarkan untuk Bekerja Dari Rumah (BDR). Justeru, adalah diingatkan bahawa mana-mana pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan yang diarahkan atau dibenarkan BDR mestilah mematuhi arahan peraturan BDR sebagaimana Surat Edaran JPA bertarikh 17 Mac 2020 di atas iaitu:

- (a) sentiasa berada di rumah dalam tempoh waktu bekerja yang ditetapkan oleh Kerajaan;
- (b) sentiasa bersedia sekiranya diarah oleh Ketua Jabatan untuk hadir ke pejabat atau mana-mana lokasi lain; dan
- (c) memastikan sentiasa boleh dihubungi dalam tempoh waktu bekerja.

4. Sehubungan dengan itu, Ketua Jabatan boleh menetapkan kaedah pemantauan masing-masing dalam memastikan serta menyemak keberadaan pegawai-pegawai di pejabat, rumah atau mana-mana lokasi yang telah diarahkan. Pegawai yang telah diarahkan BDR dan didapati melanggar ketetapan yang dinyatakan di para 3, Ketua Jabatan boleh

mengambil tindakan tatatertib ke atas mereka kerana ingkar perintah selaras dengan Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 [P.U.(A) 395/1993]. Selain itu, mana-mana pegawai yang melanggar peraturan atau undang-undang dan dikenakan hukuman oleh mahkamah atau dikenakan kompaun oleh pihak berkuasa kerana melanggar Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), tindakan tatatertib boleh juga diambil ke atas mereka kerana kesalahan mencemarkan nama Perkhidmatan Awam.


5. Ketua Jabatan hendaklah memastikan semua pegawai sama ada yang bertugas di pejabat ataupun bertugas secara BDR mempunyai tugas yang seimbang seperti mana lazim. Semua tugas yang diberi perlu mempunyai output atau keperluan pencapaian yang jelas untuk memudahkan urusan pemantauan.

6. Arahan ini juga dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan yang dikenakan PKPB sehingga tamat tempoh PKPB, tertakluk kepada mana-mana arahan yang akan diumumkan oleh Kerajaan.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(TAN SRI MOHD KHAIRUL ADIB BIN ABD RAHMAN)

SENARAI EDARAN

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan Negeri Selangor

Semua Ketua Jabatan Persekutuan Negeri Sabah

Semua Ketua Jabatan Persekutuan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

Semua Ketua Jabatan Persekutuan Wilayah Persekutuan Putrajaya

Semua Ketua Jabatan Persekutuan Wilayah Persekutuan Labuan

YB Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor

YB Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah

Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Berkanun Negeri Selangor

Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Berkanun Negeri Sabah

Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Berkanun Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Berkanun Wilayah Persekutuan Putrajaya

Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Berkanun Wilayah Persekutuan Labuan

Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor

Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Sabah

Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan Wilayah
Persekutuan Putrajaya

Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan Wilayah
Persekutuan Labuan